DELIBERATELY PAUSE FOR A MOMENT, breathe deeply, thank God for His presence and release into His hands all that you have prayed.


BACKGROUND & INFORMATION

This prayer guide was birthed as a companion when the pandemic restrictions began on March 18, 2020. Today, this prayer guide has served individuals, families and churches to encourage and to help to persevere in prayer for the kingdom of God to come and for God's will to be done in these unprecedented times. For 2022, we have embarked on this new format which we hope will be helpful for use in churches both in-person and online.



An Adaptable Prayer Guide

Feel free to adapt this prayer guide for your own use. It is available in English, Bahasa Malaysia and Chinese.



Love Gifts and Seeds

If you would like to support the work of 24-7 Prayer Asia, and sow into this ministry, you can make a gift [here](#).



To Subscribe

If you would like to subscribe to the weekly prayer guide or if you have any testimonies to share, please drop us a message to support@247prayerasia.com



Contact us

Email: support@247prayerasia.com

Boiler Room Bookings:

Petaling Jaya - Terry Law

terry.law@247prayerasia.com

Putrajaya - Josie Paul

josie.paul@247prayerasia.com



JILID 2023-1 • ISU #145 • AHAD, JANUARI 1, 2023

PANDUAN DOA MINGGUAN

EDISI MALAYSIA

BAGAIMANA MENGGUNAKAN PANDUAN DOA INI

Pause

- **Berhenti sejenak** dan berdiam;

Rejoice & Reflect

- **Bersukacita**, memuji dengan Mazmur dan merenung atas Alkitab;

Ask

- **Minta** dalam doa syafaat agar Allah campur tangan;

Yield

- **Serahkan** kepada kehendak-Nya dalam hidupmu.





JEDA

BERHENTI SEKETIKA

DIAMKAN DIRI SECARA SENGAJA

Luangkan masa untuk bertenang semasa anda mempersiapkan diri sebelum anda memasuki waktu doa ini. Bernafas secara mendalam, diamkan diri dan sambutlah Roh Kudus semasa anda masuk ke dalam hadirat Allah yang kudus.



RENUNGAN MENDENGAR FIRMAN TUHAN

MEMBACA DAN MERENUNG

Perlahankan diri. Luangkan masa untuk mendengar firman Tuhan sebelum kita berbicara dengan-Nya. Apakah yang Dia katakan dari Firman-Nya? Baca, renung-renungkan dan berehatlah dalam hadirat-Nya. Marilah kita mendekatkan diri kepada Dia yang kita kasihi, kerana Tuhan terlebih dahulu mengasihi kita.

MAZMUR MINGGU INI



Mazmur 37:3-7 ^{AVB}

- 3** Percayalah kepada TUHAN, dan lakukan kebaikan; tinggallah di tanah ini dan berpeganglah kepada kesetiaan-Nya.
- 4** Cari kebahagiaan daripada TUHAN, maka Dia akan menunaikan hasrat hatimu.
- 5** Serahkan jalan hidupmu kepada TUHAN; percayalah kepada-Nya maka Dia akan bertindak:
- 6** Dia akan menyatakan perbenaranmu seterang cahaya, dan keadilanmu seterang matahari tengah hari.
- 7** Sandarkan hatimu kepada TUHAN dan sabarlah menanti tindakan-Nya; jangan gusar kerana ada yang makmur mengikut jalan sendiri, kerana ada yang menjayakan rancangan zalim.



MENDENGAR FIRMAN TUHAN

Yesaya
40: 28-31^{AVB}

TUHAN AKAN MEMBERI KEKUATAN BARU

28 Tidakkah kau tahu, tidakkah kau dengar? TUHAN ialah Allah yang kekal, yang menciptakan hujung-hujung bumi. Dia tidak akan menjadi letih ataupun penat, pengertian-Nya tiada hadnya. **29** Dia memberikan kekuatan kepada yang letih, dan menambah tenaga kepada mereka yang tidak berdaya.

30 Orang muda menjadi letih dan penat, para teruna jatuh tersandung. **31** Tetapi mereka yang menanti-nantikan TUHAN akan mendapat kekuatan baru. Mereka akan terbang tinggi dengan sayap seperti burung rajawali. Mereka akan berlari dan tidak menjadi penat, mereka akan berjalan dan tidak menjadi lesu.



CARILAH KEBAHAGIAAN DI DALAM TUHAN

Di dalam musim tuaian dan pembaharuan, kita memulakan lagi satu tahun untuk menabur. Untuk kebanyakan daripada kita, tahun lepas amat mencabar berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. Kita terhibur kerana mengetahui Tuhan akan memberi kekuatan baru. Kita mengalu-alukan tahun baru ini dengan kuasa Allah menyertai kita, di mana kita akan mengatasi badai kehidupan. Kita akan berlari dan tidak menjadi penat, berjalan dan tidak menjadi lesu! Betapa ajaibnya janji-janji Allah yang baik dan tetap. Mari kita jadikan hal ini sebagai keutamaan untuk tahun 2023: **carilah kebahagiaan di dalam TUHAN, utamakan kerajaan-Nya serta perbenaran-Nya.** D.A. Carson menyatakan secara jelas bahawa kita tidak menjadi murid dengan tidak sengaja, jadi mari kita mengutamakan disiplin rohani untuk menjadi murid Kristus yang setia, menyerahkan diri sepenuhnya untuk kemuliaan-Nya. Ayuh, mari kita serahkan setiap langkah kita kepada Tuhan pada tahun baru ini dan percaya bahawa Dia akan berlaku adil dan benar melalui kita.



DOA KOMITMEN

**"Cari kebahagiaan
daripada TUHAN,
maka Dia akan
menunaikan hasrat
hatimu.**

**Serahkan jalan
hidupmu kepada
TUHAN;
percayalah
kepada-Nya maka
Dia akan
bertindak."**

Mazmur 37:4-5 AVB

Allah Maha Kuasa dan Bapa Surgawi kita, kita memerlukan pengampunan Engkau kerana tidak percaya pada-Mu dengan sepenuhnya. Kita berusaha untuk memenuhi cita-cita peribadi yang menjadikan kita letih, resah, dan lesu. Akhirnya, kita berdoa sambil hidup jauh terpesong dari kehendak dan matlamat-Mu untuk kita. Kita serahkan diri kepada-Mu sekali lagi pada tahun ini, agar Engkau menjadi keutamaan kita - harta karun kita. Perbaharui kita, ubah hati kita, ya Tuhan Yesus, dan jadikan kita seperti-Mu. Semoga Roh Kudus-Mu menguasai kita, agar kita dikuatkan untuk menghadapi sebarang cabaran, dan belajar berehat di dalam-Mu sambil menunggu rancangan-Mu yang sempurna. Kita doakan agar kita dapat menyelaraskan cita-cita dan usaha kita dengan Firman-Mu. Kita ingin tetap setia kepada-Mu, melakukan perkara-perkara baik di mana juga Engkau meletakkan kita, menjadi berkat dan kawan kepada mereka yang memerlukan Injil. Di dalam nama Yesus kita berdoa. AMIN.



MENYEMBAH

PUJIAN & KESYUKURAN

"Segala pemberian yang baik dan sempurna diturunkan dari syurga oleh Bapa, sumber segala cahaya. Dia tidak berubah dan tidak seperti bayangan yang berubah-ubah bentuknya."

Yakobus 1:17 AVB

Bapa Syurgawi, kita sentiasa bersyukur kerana Engkau telah menyertai kita sepanjang tahun lalu, memelihara kita dari yang jahat. Sewaktu kita melalui tahun baru ini dan mulakan musim baru di dalam hidup, kita ingat akan kesetiaan dan kasih-Mu. Hati kita bersukacita akan kebaikan Tuhan. Engkaulah kekuatan dan harapan kita pada musim baru ini. Mata kita tertuju pada-Mu, Batu Karang dan Kubu Kuat kita, kerana di dalam pengetahuan Engkau berada di sisi kita, Engkaulah memelihara, melindungi, dan menghibur kita di dalam suka dan duka. Bapa yang Kekal, Engkaulah sentiasa bersama kita, menopang kita melalui kekuatan dan kuasa-Mu. Kepada Engkau empunya segala kemuliaan, kuasa, hormat, dan berkat! Kita memuji-Mu, Tuhan Yesus, dan di dalam nama-Mu kita berdoa, AMIN!



Cadangan Lagu Pembukaan

BESAR SETIAMU

1 Besar setia-Mu Allah Bapaku
Tiada pertukaran bayangan
Kasih setia-Mu kekal s'lamanya
Besar setia-Mu ya Allahku

Besar setia-Mu, besar setia-Mu
Setiap hari kulihat rahmat-Mu
Kasih setia-Mu kekal s'lamanya
Besar setia-Mu ya Allahku

2 Pengampunan dosa memb'rikan damai,
kehadiran Tuhan menghiburkan.
Kekuatan dan penghiburan tiap hari,
berkat berk'limpahan ku alami.

<https://youtu.be/9vBe6nXzEb0>




BERMINTA

DOA SYAFAAT

Inilah masa untuk Meminta, Mencari dan Mengetuk.

Pakailah perkataan sendiri sewaktu berdoa sambil berhenti sejenak apabila merenungkan cadangan doa berikut sebagai panduan doa anda yang boleh membantu membina keyakinan diri dalam kehidupan doa peribadi anda – dalam mengejar hadirat Allah, secara peribadi dan secara kumpulan.

Anda bebas memilih perkara doa serta menambah atau menukar perkataan dalam senarai doa ini.



1. PEMULIHAN NEGARA

"Pertama-tama aku menyeru supaya permohonan, doa, syafaat dan kesyukuran dinaikkan untuk semua manusia – untuk raja-raja dan semua yang memegang kuasa, supaya kita hidup aman tenteram, salih dan penuh hormat. Inilah yang baik dan diredai oleh Allah Penyelamat kita yang berkehendakkan semua manusia diselamatkan dan mengetahui apa yang benar." - 1 Tim 2:1-4 AVB

NYATAKAN KEMENANGAN KRISTUS

- Pada tahun baru ini, dengan kekuasaan Dia di bumi dan di syurga, kita terus menyatakan kemenangan dalam Nama Yesus yang perkasa atas alam rohani, atas setiap rancangan jahat dan cita-cita peribadi yang mementingkan diri sendiri; atas setiap perbuatan keji dan kubu kuat jahat serta perbuatan untuk menghalang kerja pembaharuan Injil di negara ini.
- Doakan perlindungan Allah atas jiwa dan minda rakyat. Doakan Allah akan membuka mata rohani mereka yang buta untuk melihat kebenaran Injil yang memberi kehidupan kekal dan tujuan, serta mengenal penipuan dan kejahatan.

NYATAKAN KEDAMAIAN ATAS MALAYSIA

- Berkati para raja dan pemimpin, termasuk Perdana Menteri dan menteri-menteri di dalam Kabinet beliau. Doakan hikmat luarbiasa dari Allah serta harmoni di dalam kerajaan campuran untuk memimpin negara ini.
- Nyatakan keamanan atas Malaysia, atas bandar atau kampung anda, serta atas komuniti dan jiran-jiran anda.
- Doakan Putera Damai akan bertakhta dan menghalang sebarang rancangan jahat dan perbuatan ganas.
- Doakan penyembuhan atas negara kita yang berpecah-belah oleh kerana cara berpolitik yang terpesong berdekad-dekad ini, sehingga perpecahan kaum berlaku. Nyatakan keamanan atas komuniti yang berasa terpinggir dan berkati mereka.

PEMULIHAN DAN BINA SEMULA

- Doakan hikmat dan kejayaan untuk Perdana Menteri kita, Anwar Ibrahim, sewaktu beliau memulihkan negara bersama bekas seteru politik. Doakan agar menteri-menteri Kabinet akan mula pekerjaan membina semula negara secara berkesan sebagai kerajaan campuran. Doakan hikmat untuk pemimpin negara agar bersedia berdepan dengan kemelesetan ekonomi sedunia.
- Doakan jaringan keselamatan sosial yang berkesan untuk mereka yang terkesan, terpinggir, dan miskin.
- Doakan pemulihan di sektor pendidikan, keselamatan nasional, kesihatan awam, kebajikan sosial, kewangan, dan pentadbiran kerajaan melalui transformasi luarbiasa oleh kerana Injil Yesus Kristus.

2. KERAJAAN YANG BAIK, STABIL & KEKAL

Dia mengubah waktu dan musim, Dia memecat dan melantik raja-raja. Dia mengurniakan hikmah kepada orang bijak dan pengetahuan kepada orang yang memiliki pengertian. - Daniel 2:21 AVB



KERAJAAN YANG STABIL

Doakan perlindungan atas kerajaan baru ini dari rancangan untuk mensabotaj kerajaan campuran ini yang sah dengan menggunakan agama dan bangsa akan gagal. Doakan agar mereka akan bekerjasama dengan berkesan untuk memastikan kestabilan negara dalam 5 tahun yang akan datang. Doakan MoU yang dipersetujui antara semua gabungan parti akan kekal.



PEMELIHARAAN DARI 'DAULAH TERSEMBUNYI'

Doakan pemeliharaan dari sabotaj 'daulah tersembunyi' serta pengaruh luar negara yang dapat menggugat pembaharuan dan reformasi pentadbiran serta pengurusan negara. Doakan semua penjawat awam dapat memperbaiki usaha dan prestasi mereka, serta menjadi pekerja rajin.



PERUNDANGAN BAIK

Doakan perdebatan berkualiti di antara para MP untuk menyuarakan isu-isu yang melibatkan semua lapisan masyarakat tanpa mengambil kira agama ataupun bangsa. Doakan para MP akan bekerja keras, penuh dengan hikmat dan amanah sewaktu memenuhi tanggungjawab mereka terhadap pembangunan negara, serta isu-isu penting kebangsaan.



PERSIDANGAN AGUNG PARTI POLITIK

Doakan perhimpunan agung UMNO yang bakal berlaku pada Januari 11-14, 2023. Doakan keputusan pengundian parti serta resolusi-resolusi yang diutarakan dapat menyumbang kepada stabiliti dan kejayaan kerajaan campuran demi kedamaian dan kebajikan negara.

3. BADAN KEHAKIMAN YANG BENAR

"Dia akan menyatakan perbenaranmu seterang cahaya, dan keadilanmu seterang matahari tengah hari." - Mazmur 37:6 AVB



KEBEBASAN BADAN PENGHAKIMAN

Doakan agar Perdana Menteri akan tegas memelihara kebebasan badan kehakiman. Doakan kehendak politik untuk memastikan tiada pengaruh luar atas badan kehakiman sepertimana yang dititahkan Majlis Raja-Raja, seperti penggubalan Akta JAC 2009.



PEMBICARAAN DAN PENGHAKIMAN YANG BAKAL BERLAKU

Walaupun kompromi mungkin berlaku di dalam pentadbiran perpaduan yang baru ini, marilah kita doakan agar keadilan akan berlaku atas kes-kes korupsi yang berprofil tinggi dan melibatkan ahli-ahli politik di dalam pentadbiran yang sedia ada. Doakan agar para hakim akan adil, saksama, berani, bijaksana, dan benar.



PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG

Doakan Menteri Undang-undang dan Reformasi Institusi yang baru, Datuk Seri Azalina Othman Said serta timbalannya, Ramkarpal Singh memandangkan mereka bekerja untuk memperbaharui undang-undang yang sudah lapuk dan menegakkan kebebasan badan kehakiman serta hal-ehwal keadilan. Doakan pembaharuan atas institusi-institusi yang penting.



PERLANTIKAN HAKIM-HAKIM BARU

Doakan campurtangan Allah atas perlantikan 4 kekosongan di Mahkamah Persekutuan, agar para hakim yang benar akan dilantik dan berani untuk menegakkan kebebasan dan integriti badan kehakiman sewaktu memenuhi tanggungjawab mereka.

4. TRANSFORMASI DALAM BIDANG PENDIDIKAN & KALANGAN BELIA

"Arahkanlah hatimu kepada didikan, dan telingamu kepada kata-kata pengetahuan." - Amsal 23:12 AVB



REFORMASI PENDIDIKAN

Doakan agar dasar-dasar progresif akan memperbaiki sistem yang sedia ada, Menteri-Menteri Pendidikan yang baru akan melakukan yang terbaik untuk memenuhi tanggungjawab masing-masing dalam membimbing generasi pelapis. Doakan pembaharuan atas maktab perguruan agar calon yang layak serta berminat untuk membangunkan generasi baru akan dipilih.



PEMBAHARUAN DASAR PENDIDIKAN

Doakan pembaharuan pendidikan terus dijalankan untuk membetulkan kemerosotan kualiti pendidikan selama ini. Doakan dasar-dasar yang baik untuk membina kurikulum pedagogi dan pendidikan bertaraf dunia supaya dapat menyumbangkan usaha untuk membentuk masyarakat yang baik, berpengetahuan, dan bersatu-padu.



PENGHIJRAHAN PAKAR DIHENTIKAN

Doakan isu penghijrahan pakar yang melibatkan setiap lapis tenaga kerja, kemahiran, dan kepakaran di Malaysia akan berhenti. Doakan kemajuan di dalam kualiti kerjaya, keadaan tempat kerja yang lebih baik, dan meritokrasi agar memastikan rakyat Malaysia dapat menerima kualiti yang terbaik di dalam semua sektor.



REFORMASI BELIA DAN SUKAN

Sukan memainkan peranan penting untuk menyatukan sesebuah negara. Doakan kementerian ini dapat memainkan peranan penting untuk menyatukan rakyat sambil memimpin lapisan belia di dalam usaha membangunkan negara.

5. PANTAUAN, BANTUAN, DAN PEMULIHAN —————

"TUHAN merapati orang yang patah hati dan menyelamatkan orang yang menyesal." - Mazmur 34:18 AVB




TANAH RUNTUH BATANG KALI

Kita bersyukur atas usaha pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART) yang bekerja keras untuk mengesan semua mangsa tanah runtuh di Batang Kali. Mari kita terus doakan penghiburan atas semua keluarga dan sekolah yang terkesan di dalam bencana tersebut.



BENCANA AIR PASANG BESAR & BANJIR DI SABAH

Doakan mereka yang terkesan oleh bencana banjir dan fenomena air pasang besar (King Tide) yang telah merobohkan lebih daripada 100 rumah di atas laut di Kampung Forest, Sandakan, serta mereka di Pitas, Kota Kinabalu, dan Kota Belud. Kita bersyukur bahawa tiada kehilangan nyawa yang dilaporkan. Doakan 2,000 mangsa banjir yang sekarang berada di tempat berteduh.



PERSIAPAN UNTUK MENGHADAPI CABARAN DI 2023

Memandangkan tahun 2023 kian mencabar kerana ketegangan geopolitik, tekanan inflasi, dan pasaran kewangan yang tidak stabil, doakan Kabinet akan menumpukan perhatian atas langkah-langkah untuk melindungi sektor-sektor kewangan, perniagaan, dan ekonomi supaya yang miskin dapat dilindungi dan kepercayaan pelabur akan meningkat.



PERSEDIAAN UNTUK GELOMBANG COVID BARU

Doakan agar pihak berkuasa kesihatan akan tetap peka dan bersedia menghadapi gelombang Covid yang baru, memandangkan kadar mutasi virus dan kesulitan dari Covid yang berpanjangan. Doakan pembaharuan dan dasar kesihatan yang mampan dilaksanakan dengan pantas dan berkesan.

6. PEMBAHARUAN BANDAR MELALUI INJIL

"Tetapi kamu umat terpilih, para imam raja, bangsa suci, umat-Nya sendiri, yang dipilih untuk mengisytiharkan puji-pujian bagi Dia yang telah memanggilmu daripada kegelapan kepada cahaya-Nya yang gemilang." - 1 Petrus 2:9 AVB



PEMBAHARUAN GEREJA

Doakan pengajaran alkitabiah yang memberitakan kebenaran tentang kasih karunia Allah untuk memperbaharui gereja serta memenuhi hidup dengan sukacita dan kedamaian. Doakan Roh Kudus untuk mengurniakan gereja dengan kuasa rohani dan hidup yang baru.



PENYEMBUHAN & PERDAMAIAN

Doakan umat Kristian akan sentiasa bersedia membawa penyembuhan dan perdamaian pada tahap kebangsaan, bermula dengan persahabatan kita di kalangan gereja untuk mengalu-alukan perpaduan dan kasih sesama sendiri secara nyata.



KEHAUSAN UNTUK FIRMAN TUHAN

Doakan kehausan baru akan Firman Tuhan dan pemuridan yang mantap agar kita dapat mencapai kematangan rohani, setia untuk melakukan segala yang Yesus telah perintahkan. Doakan kehidupan doa peribadi kita untuk diperkasakan.



PENUAI

Doakan Tuan Tuaian akan mengutuskan lebih ramai penuai. Doakan setiap umat Allah akan bersiap sedia diutuskan ke ladang tuaian untuk menyelamatkan mereka yang hilang, terutamanya di kawasan bandar di mana keperluan amat besar.



AGEN PEMBAHARUAN INJIL

Doakan umat Kristian akan menjadi agen pembaharuan Injil kepada keluarga, di tempat kerja, masyarakat, dan bandar mereka. Doakan rumah-rumah Kristian akan menjadi kota kara misi.

7. MENJANGKAU YANG SESAT, SAKIT, DAN DIPINGGIRKAN

"Allah berkuasa melimpahkan kasih kurnia-Nya kepadamu, supaya kamu dapat memenuhi segala keperluanmu dan berlebihan pula untuk amal kebajikan." - 2 Korintus 9:8 AVB



DOA-UNTUK-5

Doakan Roh Kudus akan memberi kita nama 5 orang kawan, keluarga dan rakan sekerja untuk mengetahui Kristus sebagai Juruselamat dan Tuhan peribadi mereka. Mintalah Roh Kudus untuk bekerja di dalam hati mereka, serta untuk peluang kongsi Injil dengan mereka.



CAMPURTANGAN TUHAN

Mintalah hati yang berubah untuk mengasihi sebagaimana Yesus mengasihi dan berdoa untuk peluang dan campur tangan ilahi untuk persahabatan, tindakan kebaikan, dan perkongsian Injil.



PENYEMBUHAN BAGI MEREKA YANG SAKIT

Doakan agar Tuhan akan menyembuhkan mereka yang sakit. Doakan penyembuhan secara total dan cepat, kekuatan untuk menghadapi sebarang cabaran, dan kasih karunia untuk dipulihkan dengan sempurna. Doakan mereka yang mengalami cabaran kesihatan mental dan kesan Covid panjang, serta penjaga pesakit.



PENDATANG & PELARIAN

Doakan pekerja asing dan keluarga pelarian yang sedang mencari keadilan, agar mereka dilayan dengan penuh keperimanusiaan serta diberi pertolongan secara praktikal. Doakan agar mereka dapat mengenali Kristus sepanjang musim Krismas ini.

8. KEHIDUPAN KELUARGA

"...dan pergunakanlah setiap peluang dengan sebaiknya kerana ini zaman durjana" - Efesus 5:16 AVB



PERKAHWINAN

Doakan perkahwinan yang bahagia, di mana suami menunjukkan pemahaman dan menghormati isteri dia, kerana kedua-dua mereka merupakan rakan pewaris yang sama-sama menerima kasih kurnia hidup, agar "doamu kepada Allah tidak akan terhalang." - 1 Pet 3:7



KAUM BELIA & DEWASA MUDA

Doakan 1 Timotius 4:12 atas para belia dan dewasa muda, "*Jangan biarkan sesiapa menghina kamu kerana usiamu yang muda. Jadikan dirimu teladan kepada semua orang beriman dari segi kata-kata, kelakuan, kasih, iman dan kesucian.*" Doakan agar mereka akan membesar di dalam iman dan menjadi kuat di dalam Tuhan.




KANAK-KANAK

Doakan perlindungan ilahi atas kanak-kanak. Doakan agar mereka akan bertumbuh dengan matang dalam iman dan kebijaksanaan, seperti di dalam Lukas 2:52, "*Yesus semakin membesar dan bijaksana. Dia diredai Allah dan manusia.*"



RUMAHTANGGA

Doakan agar rumah tangga kita akan menjadi kota kara misi dan rumah doa. Doakan terdapat pemuridan intra-generasi secara sengaja sewaktu ibubapa mendoakan anak-anak mereka dan mengajar mereka setia kepada Tuhan. Doakan majlis perjumpaan keluarga yang meriah dan bermakna pada Krismas ini.



DIRI SENDIRI

Berdoa untuk diri sendiri menjadi murid Kristus yang setia, tekun berdoa dan mendalami Firman Tuhan sentiasa, berharap pada-Nya dengna iman bahawa Dia mampu melakukan yang mustahil!

9. HAL EHWAL DUNIA

"Bangsa-bangsa akan datang kepada terangmu, dan raja-raja kepada cahaya yang terbit bagimu." - Yesaya 60:3 AVB



PEPERANGAN DI UKRAINE

Mari kita terus berdoa untuk Ukraine. Kita bersyukur bahawa stesen penjana kuasa yang rosak telah dibaiki, dan penjana kuasa kecemasan dapat membantu menyalurkan kuasa ke semua Ukraine. Doakan agar Rusia akan mengundur, agar Ukraine dapat mengalami kedamaian dan logistik keperluan asas ke seluruh dunia dapat dipulihkan.



KEDAMAIAN DI ASIA

Doakan kedamaian untuk Asia agar pekerjaan pembaharuan Injil di bandar-bandar tidak akan terjejas, dan gereja-gereja akan bertumbuh walaupun berhadapan dengan penderitaan dan penganiayaan. Doakan agar perang saudara di Myanmar akan berakhir. Doakan agar kawasan Laut Cina Selatan akan berdamai.



PELARIAN ROHINGYA

Kira-kira 1 juta pelarian Rohingya dari Myanmar tinggal di fasiliti sesak di kawasan pelarian Bangladesh. Ramai yang sudi mengambil risiko merentas lautan ke Indonesia ataupun Malaysia untuk mencari tempat tinggal baru. Baru-baru ini, 180 orang Rohingya mati lemas di dalam percubaan mereka untuk melarikan diri. Doakan belas kasihan atas pelarian, agar mereka dapat ditempatkan di kawasan selamat untuk membina semula hidup mereka.



KEPEKAAN ATAS GELOMBANG COVID BARU

Terus doakan agar orang di China akan tetap berwaspada memandangkan kuarantin untuk pelawat tidak lagi wajib, serta kebarangkalian gelombang Covid yang mungkin bakal berlaku, oleh kerana perayaan Tahun Baru China di rantau Asia. Doakan mutasi baru tidak akan merebak ke seluruh Asia.



DOA SPONTAN & KESYUKURAN

**Tambahlah doa dan
kesyukuran sendiri**

**"Sandarkan hatimu kepada TUHAN
dan sabarlah menanti tindakan-Nya;
jangan gusar kerana ada yang
makmur mengikut jalan sendiri,
kerana ada yang menjayakan
rancangan zalim."**

- Mazmur 37:7 AVB

Biar Roh Kudus memimpin anda untuk mendoakan hal-hal lain yang muncul dalam hati anda pada musim ini, terutamanya hal yang berkait dengan negara kita, serta hal-hal lain yang membebaskan hati anda sekarang. Bersyukur juga atas doa yang dimakbulkan.



MENYERAH DIRI

Semasa kita mengakhiri masa syafaat ini, marilah kita menyerah sepenuhnya kepada kehendak Bapa Syurgawi kita untuk semua yang telah kita doakan, agar di mana sahaja Dia menempatkan kita, kita yang telah diberkati akan menjadi berkat kepada yang lain.



DOA PENUTUP

Mari kita menyatakan kedatangan Kerajaan-Nya

DOA BAPA KAMI

Ya Bapa kami yang di syurga,
sucilah nama-Mu.
Datanglah kerajaan-Mu.
Terlaksanalah kehendak-Mu
di bumi sebagaimana di syurga.
Berilah kami makanan untuk hari ini.
Ampunkanlah kesalahan kami
sebagaimana kami mengampuni mereka yang
bersalah terhadap kami.
Janganlah biarkan kami tergoda,
tetapi selamatkanlah kami daripada yang jahat.
Engkaulah yang empunya kerajaan, kekuasaan
dan kemuliaan selama-lamanya. **AMIN.**

Matius 6:9-13 AVB



Cadangan Lagu Penutup

SINAR KEMULIAANMU BAPA

Sinar kemuliaanMu Bapa
Memenuhi di sekelilingku
Kurasakan hadiratMu
Kau tenggelamkan jiwaku
Ku ingin tetap tinggal bersamaMu

Ku ingin tetap disini
Menikmati baitMu
Kuingin tetap disini
Dan memandang indah wajahMu



<https://youtu.be/AzUVMwZbIBk>



TETAPKAN HATI DALAM TUHAN

BERDIAM SECARA SENGAJA BUAT
SEKETIKA, bernafas secara mendalam,
berterima kasih kepada Allah atas hadirat-
Nya, dan serahkan segala suatu yang anda
telah doakan kepada-Nya.


LATAR BELAKANG & MAKLUMAT

Panduan doa ini dilahirkan sebagai teman apabila sekatan pandemik bermula pada 18 Mac 2020. Hari ini, panduan doa ini telah digunakan secara individu, keluarga dan gereja juga, untuk menggalakkan dan memberkati supaya kita terus berdoa agar kerajaan Tuhan datang dan kehendak Tuhan dilaksanakan pada saat-saat yang tidak tertentu ini. Pada tahun 2022, kami telah memulakan format baharu ini yang kami harap akan membolehkan kalian menggunakan sumber ini di gereja secara bersemuka atau dalam talian.



Panduan Doa Yang Boleh Disesuaikan

Panduan doa ini boleh disesuaikan untuk kegunaan anda sendiri. Ia boleh didapati dalam Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia dan Bahasa Cina.



Pemberian Kasih dan Menyemai Benih

Jika anda ingin menyokong kerja 24-7 Doa Asia, dan menyemai dalam pelayanan ini, anda boleh memberi hadiah kasih [di sini](#).



Untuk Melanggan

Jika anda ingin melanggan panduan doa mingguan ini atau jika anda mempunyai sebarang kesaksian atau perkongsian, sila hantar mesej kepada kami ke support@247prayerasia.com



Hubungi Kami

Emel: support@247prayerasia.com

Tempahan **Bilik Doa Boiler:**

Petaling Jaya - Terry Law

terry.law@247prayerasia.com

Putrajaya - Josie Paul

josie.paul@247prayerasia.com